

SULIT

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10079

SOALAN :

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan langkah jitu dalam menghapuskan
aktiviti penyalahgunaan dadah khususnya syabu yang dikatakan
meningkat permintaannya di kalangan belia luar bandar terutamanya
di FELDA.**

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membanteras penagihan dadah di kawasan luar bandar terutamanya di FELDA yang menjadi lokasi sarang penagih dadah, Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melancarkan program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan badan bukan kerajaan (NGO).

Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016 dan diteruskan pada tahun 2017. Sebanyak 6 program telah dirancang dan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Program *omnipresence*, iaitu program dan aktiviti bagi menunjukkan kehadiran pihak berkuasa atau pasukan bertugas dalam sesuatu kawasan tumpuan untuk meningkatkan rasa selamat dan keyakinan ahli komuniti;
- ii. Operasi pengesanan dan penahanan, iaitu program dan aktiviti mengesan dan menahan penagih-penagih dadah di kawasan port penagihan yang dikenal pasti dan memproses

SULIT

SULIT

- mereka yang disahkan sebagai penagih dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti;
- iii. Program operasi bersepadu, iaitu program dan aktiviti pengesanan dan penahanan pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah secara bersepadu, termasuk memproses mereka yang disahkan penagih untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti;
 - iv. Program media baru, luar dan statik, iaitu program dan aktiviti pendidikan pencegahan melalui sebaran maklumat, dan pengetahuan bagi meningkatkan kesedaran bahaya dadah dan promosi gaya hidup sihat kepada pelbagai kumpulan sasar;
 - v. Program *Community Empowerment*, iaitu program memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai bahaya dadah dan menyedarkan ahli komuniti termasuk pemimpin-pemimpin komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam merancang, menggerak dan melaksanakan aktiviti pendidikan pencegahan serta rawatan dan pemulihan dadah di dalam komuniti; dan
 - vi. Program ikon antidadah, iaitu program dan aktiviti pendidikan pencegahan melalui perantara tokoh atau personaliti berpengaruh sebagai ejen promosi dan kempen,

SULIT

duta antidadah dan *role-model* kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti.

Dari Januari hingga Jun 2017, sebanyak 5,340 aktiviti yang melibatkan keenam-enam program ini telah dijalankan dan ini mencapai 63% daripada sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan pada tahun ini, iaitu sebanyak 8,448 aktiviti.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebanyak 136 buah kawasan FELDA telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi dalam permasalahan dadah, termasuklah masalah penyalahgunaan syabu. Oleh itu, melalui program PDH yang melibatkan pelbagai pihak ini, diharapkan sarang penagihan di semua kawasan yang berisiko termasuk di kawasan FELDA dapat dibanteras dan dibersihkan.

Salah satu projek contoh ialah Projek 1*Strategic Partner Community* (1SPC) yang merupakan inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dengan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sembilan.

Projek ini telah mendapat sokongan serta kerjasama yang amat baik sekali dari Kerajaan Negeri Sembilan terutama dalam melaksanakan program-program dalam projek berkenaan sepertimana prestasi yang telah ditunjukkan ketika melaksanakan projek rintis di 7 buah kampung dan 7 buah

SULIT

SULIT

kawasan FELDA di Negeri Sembilan. Asas yang paling utama dalam pelaksanaan projek ini ialah semua program melibatkan komuniti setempat sebagai penggerak. Mereka dilibatkan sebagai tenaga pelaksana dengan dibantu oleh jabatan-jabatan terlibat. Perkara ini dilihat sebagai selari dengan matlamat Kementerian iaitu melaksanakan program yang berbentuk *Community Base* agar tanggungjawab membasmi dadah ini dilihat sebagai tanggungjawab yang perlu dipikul bersama oleh setiap orang dalam komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain melaksanakan program PDH, usaha-usaha berterusan juga diambil bagi membanteras kegiatan penjualan dan pengedaran dadah yang diketuai oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu;
- ii. Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;

SULIT

SULIT

- iii. **Menjalankan Ops Sarang secara berterusan di kawasan berisiko bagi membanteras dan pendedaran dan penagihan dadah;**
- iv. **Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pendedaran dadah;**
- v. **Menjalankan risikan terperinci untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket dan pengedar yang terlibat; dan**
- vi. **Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pendedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**